

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Najib)

NAJIB SELAR SIKAP SESETENGAH ANGGOTA PARTI API-APIKAN PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyindir sikap sesetengah anggota Umno yang kononnya menyokong supaya tidak ada pertandingan merebut jawatan tetapi di belakang mengapi-apikannya supaya bertanding.

"Tapi orang Umno ni sakan juga, bila Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebut dan nasihat jangan ada pertandingan kita semua tepuk, tapi yang kuat bertepuk itulah juga orang yang mengapi-kan kita untuk melawan.

"Tak kurang juga orang yang datang jumpa saya dan kata Datuk lawan Datuk lawan," katanya semasa penggulungan di hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini.

Bagaimanapun kata Najib, beliau akan tetap akan memberi sokongan kepada Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memilih sendiri siapakah yang akan menjadi timbalannya apabila beliau menerajui parti dan kerajaan.

"Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan dalam perhimpunan yang keramat ini sikap dan pendirian saya bahawa bila sampai pada masanya nanti biarlah YAB Pak Lah memutuskan untuk memilih timbalannya.

"Saya tetap akan menerima dan semestinya kita semua menerima keputusan sesiapa saja yang dipilih oleh YAB Pak Lah," katanya.

Najib berkata anggota Umno juga harus mempertahankan tradisi itu kerana ia adalah satu amalan yang bijaksana.

"Inilah salah satu tradisi yang amat mulia dalam parti dan kebijaksanaan seperti inilah yang perlu dipertahankan oleh ahli-ahli Umno," katanya.

Najib berkata Dr Mahathir juga pernah memberitahunya jika anggota Umno benar-benar sayangkan beliau, maka dengar dan terimalah nasihat beliau.

Najib juga memberi keyakinan kepada Abdullah bahawa Timbalan Perdana Menteri itu akan menerima sokongan padu dari seluruh anggota Umno apabila telah mengambil alih teraju parti dan kerajaan.

"Kepada YAB Pak Lah, yakinlah, saya dan seluruh anggota parti akan memberi sepenuh kesetiaan dan sokongan kepada YAB Pak Lah untuk terus menerajui negara memimpin parti dan bangsa menuju kecemerlangan.

"Kepada YAB Pak Lah apabila nanti perahu sudah di air, apabila dayung berada di tangan, apabila kompas sudah tersedia maka layarlah warisan amanah bangsa ini dengan sebaiknya. Kita semua akan tetap bersama," katanya.

Dalam penghargaanannya kepada Perdana Menteri, Najib berkata walaupun Dr Mahathir tidak mahu ada usul menghargai jasa-jasa beliau, hakikatnya Dr Mahathir adalah "Arkitek Malaysia Moden, Reformis Minda Melayu dan Jurubicara Dunia Ketiga".

Najib juga tidak ketinggalan menyertai sebahagian besar perwakilan kali ini dengan menyelitkan pantun dalam ucapannya yang berbunyi:

Dr Mahathir juga Kak Hasmah
Nampak serius tapi peramah
Prinsipmu jujur, bersih, amanah
menjadi pemimpin harapan ummah

Terima kasih kita ucapkan
Tiada terbalas jasamu tuan
Bangsa dibela dengan kemajuan

Namamu harum sepanjang zaman.
-- BERNAMA
NM KHY ROS